

## **TERMA & SYARAT PERADUAN**

### **Penganjur & Tempoh Peraduan**

1. PERADUAN F&N TUNAIKAN HASRATMU ("Peraduan") dibuka kepada semua rakyat Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas pada 01/04/2020 kecuali kakitangan serta anggota keluarga terdekat F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. ("Penganjur"), syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Penganjur.
2. Peraduan bermula dari 00:00:00, 01/04/2020 dan berakhir pada 23:59:59, 31/05/2020 ("Tempoh Peraduan"). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
3. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur tidak memberi hak kepada peserta untuk membuat sebarang tuntutan atau menerima pampasan daripada Penganjur bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung yang timbul daripada atau berhubung dengan pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Penganjur.

### **Kriteria Kelayakan & Penghantaran Penyertaan**

4. Setiap pembelian mana-mana F&N 1.5L/1.75L (semua varian) dan/atau 100PLUS 500ml, 1L dan/atau 1.5L (semua varian kecuali 100PLUS ZERO) dengan label promosi Peraduan yang mengambil bahagian akan melayakkan anda untuk menyertai Peraduan. Dapatkan 9 (sembilan) digit kod unik abjad angka yang tercetak pada bahagian dalam penutup botol sebagai bukti pembelian ("BP") untuk menghantar penyertaan anda.
5. Anda juga boleh mendapatkan 9 (sembilan) digit kod unik abjad angka yang tercetak pada bahagian penutup botol sebahagian stok F&N 1.5L (semua varian) dengan label generik (tanpa promosi Peraduan) yang terdapat dalam pasaran yang juga layak untuk menyertai Peraduan.
6. Penghantaran penyertaan Peraduan adalah melalui aplikasi WhatsApp dari mana-mana nombor talian mudah alih tempatan yang berdaftar ke **011-5660 0747**. Setiap penyertaan yang dihantar mesti lengkap dengan kod kunci diikuti #, nama seperti dalam MyKad diikuti #, nombor MyKad diikuti # dan 9 angka kod unik BP secara berterusan.

#### **Contoh:**

Taip: **FN#AHMAD ALI#830310115228#FHM5T9P9Y** dan WhatsApp ke 011-5660 0747.

7. Setiap penyertaan yang dihantar mesti lengkap dengan butir-butir peribadi dan kod unik BP yang dikehendaki. Setiap peserta berhak/layak untuk menghantar lebih daripada 1 (satu) penyertaan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan 1 (satu) kod unik BP. Setiap kod unik BP hanya boleh digunakan sekali. Penyertaan seterusnya yang diterima dengan kod unik BP yang sama akan dibatalkan dan hanya penyertaan pertama yang dihantar layak diterima.
8. Semua penyertaan yang diterima tertakluk kepada pengesahan Penganjur. Penganjur berhak secara mutlak untuk membatalkan secara automatik penyertaan yang tidak lengkap dan/atau penyertaan dengan ulangan kod unik BP dan/atau penyertaan yang lewat diterima (iaitu penyertaan yang diterima selepas **23:59:59, 31/05/2020**).
9. Bagi Penyertaan yang diterima menerusi WhatsApp, Pihak Penganjur berhak untuk meminta BP asal; penutup botol yang mempunyai kod unik dan dokumen pengenalan untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana terma dan/atau dokumen yang terdahulu akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah.
10. Penganjur, atas budi bicara mutlaknyanya, berhak untuk menolak, membatalkan atau menyingkirkan penyertaan tanpa perlu memberikan sebarang notis kepada mana-mana pihak. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.
11. Semua Penyertaan yang Layak dan diterima oleh Penganjur semasa Tempoh Peraduan akan diberikan 1 (satu) nombor bersiri. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".

### **Hadiah Istimewa**

12. Terdapat 200 (dua ratus) Hadiah Istimewa untuk dimenangi sepanjang tempoh peraduan. Hadiah Istimewa adalah berupa wang tunai RM500 setiap seorang.
13. Nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Penyertaan Layak tempoh peraduan akan disusun kira untuk memperoleh jumlah besar yang kemudian akan dibahagikan dengan 200 (dua ratus) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Istimewa. Jika nombor mempunyai nilai perpuhuan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat terdekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.

Sebagai contoh: Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak ialah 88889, maka 88889 akan dibahagikan dengan 200, yang bersamaan dengan 444.44, dan seterusnya akan dibundarkan ke bawah kepada 444 Nombor pengganda dalam kes ini ialah 444. Seramai 200 (dua ratus) Peserta bagi tempoh peraduan tersebut yang ditetapkan nombor bersiri dengan gandaan 444 iaitu 444, 888, 1332, 1776, 2220 dan seterusnya akan menjadi Pemenang Hadiah Istimewa tersebut.

### **Hadiah Utama**

14. Terdapat sejumlah 10 (sepuluh) Hadiah Utama untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. Hadiah Utama berupa Pakej UMRAH untuk 2 (dua) orang bernilai RM12,000 sepasang.
15. Disebabkan perkembangan terkini sejak penularan COVID-19, perjalanan ke negara-negara yang telah dikesan oleh virus ini seperti Arab Saudi kini tertakluk kepada sekatan perjalanan ketat kerajaan Arab Saudi. Oleh itu, sila ambil perhatian bahawa semua tarikh perjalanan untuk masa sekarang tidak akan ditetapkan, kerana perjalanan masuk atau keluar dari negara tersebut akan terbatas sehingga notis selanjutnya. Perubahan terbaru akan dikemas kini secara berkala untuk menggambarkan perubahan dalam respon negara terhadap COVID-19, seperti dan apabila ia tersedia.
16. Nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan akan disusun kira untuk memperoleh jumlah besar yang kemudian akan dibahagikan dengan 10 (sepuluh) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Utama. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.

Sebagai contoh: Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak ialah 88889, maka 88889 akan dibahagikan dengan 10, yang bersamaan dengan 8888.90 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 8888. Nombor pengganda dalam kes ini ialah 8888. 10 (sepuluh) Peserta yang ditetapkan nombor bersiri dengan gandaan 8888 iaitu 8888, 17776, 26664, 35552, 44440, 53328, 62216, 71104, 79992 dan 88880 akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama.

### **Penebusan Hadiah**

17. Pihak Penganjur akan menghubungi semua Finalis Hadiah Utama dan Hadiah Istimewa melalui SMS ke nombor mudah alih yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberi 1 (satu) soalan untuk dijawab melalui SMS. Finalis terpilih mesti menjawab soalan yang disiarkan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Sekiranya Finalis terpilih gagal menjawab soalan yang disiarkan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam SMS, Finalis terpilih akan hilang kelayakan dan digantikan oleh Finalis nombor bersiri seterusnya selepas nombor bersiri Finalis yang telah hilang kelayakan tersebut.
18. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.
19. Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 (satu) Hadiah sepanjang Tempoh Peraduan.
20. Semua hadiah akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 6 - 8 minggu dari 31/05/2020 ke alamat yang diberikan oleh pemenang. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah fasal ini di atas sebab-sebab yang di luar kawalan Penganjur.
21. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir 01/09/2020 akan ditarik balik.
22. Pemenang mesti mematuhi terma & syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah. Penganjur berhak untuk menarik balik Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan dan Terma dan Syarat Hadiah.
23. Iklan Pengumuman Pemenang akan dipaparkan di laman web [www.fn.com.my](http://www.fn.com.my).
24. Sekiranya pemenang dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau mengambil bahagian dalam program publisiti (jika berkenaan) yang akan dianjurkan oleh Pihak Penganjur dari semasa ke semasa, segala perbelanjaan untuk menghadiri majlis tersebut adalah atas tanggungan pemenang sendiri. Pihak Penganjur akan memberi notis sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum majlis tersebut.

### **Liabiliti & Tanggungjawab**

25. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tertakluk kepada Terma & Syarat Hadiah yang akan disertakan dengan hadiah dan dinyatakan dalam surat pengakuan pemenang. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan.
26. Pemenang dan/atau warisnya hendaklah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] akibat mengambil bahagian dalam Peraduan, menuntut dan/atau menggunakan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.
27. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain, yuran dan/atau perbelanjaan yang berkaitan untuk menyertai Peraduan dan menuntut Hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

## Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

28. Notis bertulis ("Notis") ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn Bhd ("F&N" atau "kami"). Tambahan lagi, dengan mengemukakan borang Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendak dari anda dalam borang Peraduan ini. F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&N, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu).
29. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi dengan menghantar e-mel ke penyedia perkhidmatan di [pdpa@omnitem.com.my](mailto:pdpa@omnitem.com.my). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai berbanding versi Bahasa Malaysia.

## Hak Penganjur

30. Sekiranya berlaku peperangan, keganasan, keadaan darurat, bencana atau diluar kawalan Penganjur dan vendor pihak ketiganya, Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Promosi atau menggantung atau mengubah suai Hadiah, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu.
31. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat- menyurat akan dilayan.
32. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang hadiah menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar Peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun perlu memberikan notis kepada peserta terlebih dahulu.
33. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa dan selepas kutipan hadiah. Semua Peserta bersetuju secara tidak bersyarat untuk menanggung liabiliti penuh dan bertanggungjawab sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, ganti rugi, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) yang dialami akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan atau penggunaan Hadiah.
34. Penganjur sama sekali tidak akan bertanggungjawab terhadap apa juga kesilapan percetakan yang tertera pada BP (i.e – Penutup Botol) dan/atau Label Botol yang diedarkan di pasaran.
35. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian.
36. Terma & Syarat ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan antara semua versi yang disediakan, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat Peraduan yang boleh didapati di <https://www.fn.com.my/promotions-contests/> akan diguna pakai.
37. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila hubungi Talian Khas di 016 – 780 2765 (10 pagi – 1 petang, 2 petang – 5 petang, Isnin - Jumaat, kecuali cuti umum) atau kunjungi [www.fn.com.my](http://www.fn.com.my).